



23 MAR, 2023

Syor semak semua perkhidmatan ada ciri monopolি

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Syor semak semua perkhidmatan ada ciri monopolи

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa membuat semakan secara menyeluruh ke atas semua perkhidmatan yang mempunyai ciri monopolи demi menjaga kepentingan rakyat.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata kerajaan juga perlu menubuhkan jawatankuasa bagi membuat semakan terhadap mana-mana perkhidmatan bagi orang awam yang dikuasai syarikat atau pihak tertentu.

Katanya, monopolи tidak salah terutama bagi keperluan strategik kerana terdapat beberapa perkhidmatan yang memerlukan kuasa monopolи namun ia perlu dikawal.

“Dalam hal membatikan monopolи Touch ‘n Go, tindakan melaksanakan sistem pembayaran terbuka termasuk di kemudahan pengangkutan awam dan empat lebuhraya, adalah disokong.

“Bagus bagi saya bukan sahaja untuk Touch ‘n Go, malah banyak lagi perkhidmatan lain yang perlu dinilai, sebagai contoh Puspakom.

“Hanya untuk memeriksa kenderaan kenapa perlu Puspakom yang buat sedangkan di luar negara di mana-mana sahaja ada pusat bertaualiah yang boleh berbuat demikian,” katanya kepada BH, semalam.

Wujudkan persaingan

Beliau mengulas mengenai de-sakan pelbagai pihak termasuk persatuan pengguna yang mahu kerajaan memecahkan segera monopolи Touch ‘n Go dengan mewujudkan persaingan supaya pengguna mempunyai pilihan untuk memilih perkhidmatan yang ditawarkan.

Ia susulan Ahad lalu apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan monopolи Touch ‘n Go mungkin ditimbang semula kerana dilihat tiada kemajuan menyakinkan dalam sistem syarikat sejak beroperasi lebih dua dekad lalu.

Noor Azlan berkata, sekiranya

Kerajaan tak perlu tunggu untuk rakyat bersuara. Tubuhkan jawatankuasa untuk menilai monopolи yang diwujudkan oleh kerajaan bagi perkhidmatan tidak strategik.

Dr Noor Azlan Ghazali,
Pengarah Institut
Pembangunan dan
Kemajuan Inklusif
Malaysia UKM



terdapat persaingan, kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah lebih baik yang akhirnya akan memanfaatkan pengguna.

Tambahan lagi katanya, ada banyak lagi perkhidmatan ber-sifat monopolи di negara ini yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

“Kerajaan tak perlu tunggu untuk rakyat bersuara. Tubuhkan jawatankuasa untuk menilai monopolи yang diwujudkan oleh kerajaan bagi perkhidmatan tidak strategik,” katanya.

Bagi pakar ekonomi, Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, berkata tindakan memecahkan monopolи bukan sahaja akan mengurangkan harga tetapi membolehkan syarikat memberikan perkhidmatan lebih cekap.

Katanya, monopolи bukan sesuatu yang buruk, namun ia bergantung kepada industri dan juga modal.

“Sama ada syarikat besar atau kecil, yang penting monopolи itu perlu dikawal. Malah, syarikat seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) wajar dimonopoli kerana ia memerlukan modal yang besar bagi menyediakan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai,” katanya.